

21 JUL 2001

Likas-Reaksi

KEMENANGAN BESAR DI LIKAS SAHKAN KEYAKINAN RAKYAT PADA BN

KUALA LUMPUR, 21 Julai (Bernama) -- Kejayaan besar Barisan Nasional (BN) di pilihan raya kecil Likas mengesahkan lagi keyakinan rakyat terhadap parti pemerintah itu dan juga memperakui kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Naib Presiden Umno Tan Sri Muhammad Taib berkata penduduk Likas telah menunjukkan yang BN ialah parti pilihan mereka untuk menerajui negara ini walaupun usaha-usaha pembangkang untuk jejasakan imej parti pemerintah itu.

"Taktik mereka (pembangkang) tidak berjaya kali ini kerana penduduk Likas cukup matang dan tahu akan apa yang benar dan apa yang salah ...ia juga perakuan bagi Dr Mahathir," katanya.

Beliau berkata, sementara pembangkang khasnya Parti Keadilan Nasional sibuk mencemarkan imej lawannya, BN pula lebih terbuka dalam menjelaskan kepada rakyat usaha-usaha untuk memajukan status ekonomi dan sosial rakyat.

"Penduduk Likas juga telah menunjukkan yang tingkah laku ganas yang ditunjukkan oleh penyokong Keadilan semasa berkempen tidak dapat diterima dan mereka tidak boleh menunjukkan perilaku demikian untuk menawan hati rakyat," katanya.

Dalam pilihan raya kecil Likas, BN menewaskan PBS dan Keadilan dengan majoriti lebih besar apabila calon BN Datuk Yong Teck Lee mendapat 9,758 undi, Dr Chong Eng Leong (PBS) 2,217 undi, Christina Liew (Keadilan) 1,724 undi dan calon bebas Joshua Kong, 50 undi.

Yong kali ini mendapat majoriti lebih besar iaitu sebanyak 7,541 undi. Dalam pilihan raya 1999, Yong mendapat majoriti 4,962 undi.

Presiden MIC Datuk Seri S. Samy Vellu berkata mandat yang diberikan oleh pengundi di Likas kepada BN menunjukkan pengiktirafan terhadap kepimpinan cemerlang Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

"Keputusan pilihan raya kecil itu adalah jawapan bagi semua kritikan yang dilemparkan terhadap kepimpinan BN...ia menunjukkan yang parti pemerintah menjaga rakyat dengan baik tidak kita di bahagian mana negara mereka berada," kata beliau lagi.

Beliau berkata, undi yang berkurang bagi PBS yang pada satu masa dahulu parti yang berpengaruh dalam politik Sabah menunjukkan ia kini kehilangan sokongan di Sabah dan PBS mungkin terpaksa menyertai BN untuk terus hidup.

"Bagi Keadilan, keputusan itu menunjukkan rakyat menolak strategi politik ganas yang diamalkan oleh parti itu dan mereka tidak dapat berbuat apa yang mereka lakukan dalam pilihan raya kecil Lunas," kata beliau lagi.

Presiden Parti Progresif Penduduk (PPP) Datuk M. Kayveas berkata keputusan itu sesuatu yang sudah dijangkakan kerana parti yang memerintah telah membuktikan dirinya sebagai yang terbaik dalam memperbaiki taraf hidup rakyat.

"Mereka (pembangkang) boleh pergi ke mahkamah tetapi rakyat telah membuktikan yang merekalah yang membuat keputusan dan bukan ahli politik tertentu," katanya.

Beliau berkata kekalahan PBS dan Keadilan menunjukkan yang parti-parti yang dibentuk semalaman tidak mempunyai peluang dalam mengukir nama dalam peta politik Malaysia memandangkan BN telah menjalankan tanggungjawabnya dengan baik selama ini dan juga mempunyai rekod yang baik.

"Keputusan itu juga menunjukkan yang penduduk Likas cukup matang untuk memilih yang terbaik bagi mereka dan mereka mahukan pembangunan

berterusan," katanya.

Pemangku Presiden Gerakan Tan Sri Dr Koh Tsu Koon berkata, kejayaan BN mengesahkan keyakinan rakyat terhadap BN dan kepimpinannya.

"Ia juga menunjukkan hubungan kerja yang baik antara parti-parti komponen BN yang membawa kejayaan berulang kali, membuktikan ia faktor penting dalam kemenangan besar ini," kata beliau lagi.

Beliau berkata, kemenangan BN juga menunjukkan rakyat menolak politik negatif yang diamalkan oleh PBS dan Keadilan semasa kempen pilihan raya kecil itu.

Sementara itu, Ketua Badan Perhubungan Umno Wilayah Persekutuan Datuk Tengku Adnan Mansor ketika dihubungi berkata kemenangan besar itu juga jelas menunjukkan rakyat Sabah mula menolak pembangkang yang cuba memfitnah dan berbohong terhadap pemimpin dan kerajaan pimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Kemenangan besar BN juga jelas menunjukkan bahawa rakyat tidak suka dengan cara yang dibawa oleh pembangkang terutamanya yang menggunakan kekerasan," katanya Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri."

Walaupun peratusan yang keluar mengundi agak rendah, tetapi majoriti besar itu juga adalah satu "endorsement" (perakuan) bahawa sistem pentadbiran yang diamalkan oleh kerajaan diterima oleh rakyat, katanya.

Sementara itu di KOTA KINABALU, Ketua Pemuda Umno Datuk Hishammuddin Tun Hussein berkata kemenangan Barisan Nasional (BN) di Sabah menunjukkan formula BN sebenarnya teruji dan terbukti mampu merapatkan masyarakat berbilang kaum.

Hishammuddin Pengerusi Pemuda BN berkata, kemenangan BN juga merupakan detik permulaan bagi BN untuk meneruskan gerak kerja yang diatur sebelum ini sehinggalah ke pilihanraya umum akan datang.

Beliau juga berkata tumpuan pemuda BN selepas ini adalah pilihanraya negeri Sarawak dan beliau akan berbincang dengan pucuk pimpinan negeri untuk memikirkan cara terbaik pemuda BN pusat boleh membantu untuk menyediakan jentera pilihanraya di situ.

Sementara itu, Presiden Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRs) Tan Sri Joseph Kurup berkata majoriti besar yang diperolehi calon BN Datuk Yong Teck Lee menunjukkan lebih ramai penduduk Sabah kini menerima BN.

"Kemenangan itu juga menunjukkan masyarakat Kadazandusun dan Murut di negeri itu sudah bersama BN," katanya.

Pengerusi BN Sabah Datuk Chong Kah Kiat pula berkata kemenangan besar yang diperolehi oleh calon BN adalah hasil kerjasama semua komponen BN dan pucuk pimpinan BN.

"Saya ucapkan banyak terima kasih kepada komponen BN dan ribuan terima kasih kepada rakan kita dari Semenanjung, kesemua pemuda dan Puteri Umno," katanya.

Ketua Gerakan Negeri Datuk Jimmy Chok Kon Phin berkata kemenangan besar calon BN adalah detik paling gembira bagi BN Sabah dan "ia kemenangan yang wajar, satu kemenangan bagi penduduk Sabah".

Sementara itu, ketua MIC negeri V. Jothy berkata penduduk Sabah telah mengundi bagi BN dan ini menunjukkan yang mereka tidak lagi memilih parti pembangkang.

Setiausaha Agung Pertubuhan Pasok Momogun Kadazan Murut Bersatu (UPKO) Datuk Wences Anggang berkata kemenangan itu menunjukkan yang undi daripada semua lapisan masyarakat tidak mengira kaum telah beralih kepada BN.

"Ini petanda baik dan pengundi nampaknya tahu yang hanya BN akan menyumbangkan kepada setiap seksyen masyarakat," katanya.

-- BERNAMA

AT PR